

21 OCT 2003

MAHATHIR-KUASA/I

JANGAN SERANG, MENANGI HATI KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR KEPADA AS

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi gesaannya terhadap Amerika Syarikat agar berhenti menggunakan kuasa dan bertindak seperti syerif dunia ketika berurusan dengan negara-negara lain.

Beliau yang mengesyorkan kuasa besar dunia itu mengubah pendekatannya dengan memenangi hati dan pemikiran rakyat serta kerajaan daripada menggunakan kuasa berkata Washington sepatutnya memahami masalah yang dihadapi oleh sesetengah kerajaan dalam mentadbir negara mereka.

"Mereka tidak sepatutnya mengenakan sekatan dengan cepat tetapi cuba memahami masalah kerana kerana setiap negara mempunyai masalah yang berbeza," katanya semasa menjawab soalan mengenai bagaimana AS boleh mengubah caranya selepas mengalami hubungan yang dingin dengan negara-negara Islam, di sidang media selepas berakhirnya Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata sebelum ini, ramai yang menyokong AS kerana negara itu sering memberi bantuan dan menghantar tentera pengaman ke banyak negara untuk membantu dalam pembangunan sosio-ekonomi mereka.

"Bagaimanapun sejak beberapa tahun ini, dasarnya telah berubah selepas menjadi satu-satunya kuasa besar dunia dengan mengenakan sekatan dan malahan mengancam menggunakan tindakan ketenteraan, walaupun mereka tidak mempunyai bukti yang cukup untuk menyerang," katanya yang jelas merujuk kepada serangan dan penaklukan ke atas Iraq dengan dakwaan ia memiliki senjata pemusnah besar-besaran tetapi tiada satu pun yang ditemui setakat ini.

Perdana Menteri berkata: "Apabila sesebuah negara berdepan dengan ancaman, mereka terpaksa mengambil satu tindakan tertentu."

"Situasi seumpama itu di dalam negara akan memaksa kerajaan bertindak dengan cara tertentu," katanya.

Beralih kepada kenyataan awalnya bahawa terdapat beberapa kejayaan kecil yang dicapai di Mesyuarat Menteri-Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico, meskipun kegagalan dalam rundingannya, beliau berkata, Cancun merupakan satu kejayaan kerana buat pertama kali negara-negara membangun berani tampil ke hadapan dan menyatakan "mereka tidak bersetuju dengan apa yang sedang dibincangkan."

Dr Mahathir merujuk kepada tekanan yang dikenakan oleh negara maju untuk memperkenalkan peraturan pelbagai hala bagi isu-isu baru seperti pelaburan, persaingan, pemudahan perdagangan dan ketelusan dalam pemerolehan kerajaan dan keengganan mereka menghapuskan subsidi bagi pertanian yang menjejaskan negara membangun serta negara miskin.

Beliau berkata tiada negara yang akan menjalankan perdagangan dengan negara lain yang akan memiskin mereka, tetapi mereka terpaksa berbuat demikian untuk mendapat sedikit faedah daripada perdagangan.

Menurutnya, pemimpin-pemimpin tersebut telah menimbang dengan cermat bukan sahaja bagi pembaharuan kewangan tetapi juga amalan perniagaan.

Dr Mahathir berkata oleh kerana ia merupakan penampilan terakhirnya di APEC sebagai Perdana Menteri, beliau telah diberi penghormatan oleh Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra untuk bercakap mengenai mustahaknya pembaharuan dalam rejim kewangan antarabangsa.

Beliau berkata krisis kewangan Asia telah mencetus keperluan untuk mengekang pihak-pihak tertentu daripada menghancurkan ekonomi rantau ini.

"Keputusan sebulat suara daripada mesyuarat itu adalah perlunya untuk

melihat kepada rejim kewangan dan membuat pembaharuan dan perubahan," katanya yang menambah ketika ini, tiada apa cara yang dapat menghalang penyangak mata wang yang menyerang mata wang serantau sehingga membawa kepada krisis kewangan pada 1997/98.

"Dengan mereka (penyangak mata wang) mendapat duit yang banyak, mereka masih boleh melancarkan serangan ke Asia Timur dan mungkin Russia, Brazil, Argentina dan juga Itali. Oleh itu kerangka kewangan hari ini perlu dilihat dengan serius," katanya.

Mengenai perjanjian perdagangan bebas dua hala (FTA), beliau berkata pada mulanya Malaysia merasakan ada yang tidak betul kerana sesetengah negara Asean yang telahpun bersetuju dengan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) kemudiannya mereka membuat perjanjian FTA dengan negara di luar dari rantau ini.

Bagaimanapun, dengan perkembangan dalam FTA, Malaysia tidak boleh ketinggalan di belakang dan akan memeterai FTA dengan Jepun, China dan AS.

"Bagaimanapun, saya bimbang FTA akan memberi kesan kepada perjanjian perdagangan pelbagai hala kerana ia berkembang terlalu pantas dan akan menjejaskan perdagangan," katanya.

Mengenai rundingan dua hala dengan rakan sejawat Thainya, beliau berkata kedua-dua negara akan cuba mengenalpasti bahagian-bahagian untuk bekerjasama.

Thaksin, katanya, telah memperkenalkan diplomasi baru untuk mengadakan mesyuarat Kabinet bersama dengan Malaysia dan negara-negara Asean lain.

Mengenai dasar Pandang Ke Timur, beliau berkata Malaysia akan tetap melihat Jepun sebagai satu model yang baik untuk diteladani.

"Kami akan melihat apa yang baik dan apa yang tidak baik. Kami akan belajar daripada kesilapan yang dibuat Jepun dan akan belajar bagaimana mereka bangkit kembali," katanya. -- BERNAMA

SHO MR/MKO ZK